

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB    PUAN    NURUL    IZZAH    BT.    ANWAR  
(PERMATANG PAUH)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) usaha Kementerian memberi perkhidmatan kesihatan mental kepada tahanan penjara melalui kolaborasi bersama NGO yang menawarkan kaunseling, memandangkan tahanan cenderung menghadapi penyakit mental; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang meletakkan tahanan penjara yang mempunyai masalah mental di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara sentiasa prihatin dan mengambil berat serta memberi keutamaan terhadap aspek kebaikan dan penjagaan kesihatan penghuni penjara termasuklah kesihatan mental sepanjang tempoh penghuni menjalani hukuman dan penahanan. Ujian psikologi dan pemeriksaan kesihatan akan dilaksanakan terhadap semua banduan semasa kemasukan dan dalam tempoh masa tertentu, mengikut keperluan. Segala hak dan pertimbangan sewajarnya yang boleh diberikan kepada banduan dari segi kebaikan (termasuklah kebaikan keluarga) serta kesihatan tidak akan diabaikan. Malah, Jabatan Penjara Malaysia mempunyai kepakaran sumber manusia dan kemudahan serta keteraturan peraturan dan prosedur operasi standard bagi menguruskan aspek tersebut. Di samping itu, usaha berterusan juga dibuat dengan kerjasama Agensi yang berkaitan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan tersebut.

Berhubung aspek kesihatan mental, Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan perkhidmatan penjagaan kesihatan mental dalam bentuk pencegahan kepada banduan melalui pakar dalaman seperti Pegawai Psikologi dan Pegawai Penjara yang berkelayakan dalam bidang psikologi atau kaunseling. Jika seseorang banduan dikesan menghadapi masalah mental yang memerlukan rawatan lanjut maka mereka akan dirujuk untuk mendapatkan rawatan pakar psikiatrik di hospital.

Pada masa yang sama, Jabatan Penjara Malaysia juga tiada halangan dan boleh bekerjasama dengan pihak luar seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang sudi menawarkan khidmat kaunseling kepada penghuni penjara bagi tujuan mempertingkatkan kemudahan kesihatan termasuk kesihatan mental di institusi penjara.

Antara langkah proaktif lain yang telah diambil untuk meningkatkan kemudahan kesihatan di penjara ialah;

- i. Meningkatkan perkhidmatan klinik dan kemudahan kesihatan di penjara. Sejumlah 234 perjawatan perubatan yang terdiri dari pegawai perubatan, pegawai perubatan (pergigian), penolong pegawai perubatan, penolong pegawai farmasi, dan 60 pegawai psikologi telah diluluskan untuk Jabatan Penjara Malaysia;
- ii. Mewajibkan pemeriksaan kesihatan semasa banduan masuk ke penjara dan dari masa ke semasa apabila wujud keperluan;
- iii. Menyediakan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara bagi mempercepatkan tindakan penghantaran banduan yang sakit untuk menerima rawatan di klinik penjara mahupun hospital di luar penjara;
- iv. Menyediakan kemudahan 24 jam yang melibatkan kenderaan dan kakitangan, bagi tujuan melaksanakan pengiringan segera banduan yang sakit ke hospital luar untuk rawatan lanjut;
- v. Menyediakan kemudahan *sick bay* di klinik penjara untuk menempatkan banduan yang tidak sihat bagi tujuan rawatan lanjut dan pemerhatian;
- vi. Penempatan berasingan untuk banduan yang mempunyai penyakit berjangkit;
- vii. Bekerjasama dengan pihak luar seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tujuan mempertingkatkan kemudahan kesihatan di penjara melalui kajian berterusan; dan
- viii. Penambahbaikan fizikal sel dan dormitori penempatan penghuni bagi menyenangkan kawalan dan pemantauan oleh kakitangan bertugas.

Kepentingan penjagaan kesihatan terhadap penghuni penjara turut dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara yang mana kedua-duanya adalah selaras

dengan ketetapan dalam *United Nations Standard Minimum Rules (Mandela Rules)*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa terutamanya dalam aspek pengurusan kesihatan yang melibatkan kebijakan dan kesihatan banduan serta kemudahan kesihatan, dijaga dan diberi keutamaan.

- (b) Jabatan Penjara Malaysia telahpun mengambil langkah dengan meletakkan tahanan penjara yang disahkan mempunyai masalah mental di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu di Hospital Mental. Menurut Akta Penjara 1995, seksyen 36(1):

“banduan yang celaru mental atas pengesahan Pegawai Perubatan, hendaklah, melalui perintah secara bertulis, mengarahkan supaya banduan itu dialihkan, ditempatkan dan dirawat di sesuatu hospital mental atau tempat jagaan selamat lain yang sesuai di Malaysia dan ditempatkan di situ dan dirawat sebagaimana yang diarahkan”.